

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 MEI 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

### 10 lokaliti dipilih untuk pelaksanaan fasa

Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia

### 10 lokaliti dipilih untuk pelaksanaan fasa satu



Mustapa beramah mesra dengan penerima sumbangan pada lawatan Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) di Kampung Kuala Jerlun, Kubang Pasu, semalam. (Foto Lugman Hakim Zubir/BH)

**Kubang Pasu:** Tujuh lokaliti di Kedah dan tiga di Perlis dipilih untuk pelaksanaan fasa satu Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) yang dijadualkan bermulai bulan ini.

BMTKM merupakan program bantuan untuk basmi kemiskinan tegar, cuma kali ini ia dilaksanakan secara bersama dan holistik membabitkan kerajaan negeri dan pusat, pemimpin masyarakat dan universiti.

Menyempurnakan program bantuan untuk basmi kemiskinan tegar, cuma kali ini ia dilaksanakan secara bersama dan holistik membabitkan kerajaan negeri dan pusat, pemimpin masyarakat dan universiti.

"Kita sama-sama melaksanakan program ini dengan harapan ia akan berjaya, kita nak supaya program ini ada kelangsungan supaya golongan miskin tegar keluar dari kelompok miskin tegar," katanya selepas taklimat dan lawatan turun padang ke daerah Kubang Pasu bagi pelaksanaan BMTKM di Kampung

Kuala Jerlun dekat sini.

Mustapa berkata, BMTKM adalah sebahagian matlamat dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) iaitu menjelang akhir 2025 kita tak hapuskan miskin tegar di seluruh negara.

"Jadi noda hari ini mengikut data eKasih daripada ICU, terdapat 180,000 keluarga miskin tegar seluruh negara dan di Kedah ada kira-kira 12,000 keluarga miskin tegar," katanya.

Mustapa berkata, sebanyak 80 lokaliti di seluruh negara sudah dikenal pasti bagi pelaksanaan Fasa Satu BMTKM yang akan dilaksanakan secara holistik membabitkan golongan sasar tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman politik.

BMTKM juga menggunakan pakai pendekatan dari bawah ke atas membabitkan penyertaan akar umbi dan golongan sasar dalam merangka program membabitkan penyelesaian kemiskinan secara bersasar dan berbeza bagi setiap lokaliti mengikut keperluan di kawasan berkenaan.